

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN SIVIL)

GUAMAN SIVIL NO: 23NCVC – 8 – 01/2012

ANTARA

DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

... PLAINTIF

DAN

1. MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(NRIC NO: 770914-11-5025)

2. ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
(NRIC NO: 580314-71-5206)

... DEFENDAN-DEFENDAN

PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS DEFENDAN PERTAMA

PEMBELAAN

BAHAGIAN A: PLAINTIF, KELUARGANYA DAN PROJEK FIDLOT NASIONAL

1. Rujukan kepada nombor-nombor perenggan di dalam pliding ini merujuk kepada nombor perenggan yang sepadan dalam Pernyataan Tuntutan, kecuali jika sebaliknya dinyatakan.
2. Mengenai perenggan-perenggan 1, dan 4 hingga 13, adalah diakui bahawa bahawa Plaintiff, pada suatu masa yang lalu atau kini adalah:
 - 2.1 seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya
 - 2.2 seorang rakan kongsi dalam firma guaman yang dikenali sebagai Shahrizat & Tan

- 2.3 pengerusi 2 buah syarikat yang dinamakan yang disenaraikan di Pasar Saham Kuala Lumpur pada masa itu
 - 2.4 dipilih sebagai Ahli Parliamen (“**MP**”) untuk kawasan Lembah Pantai semasa Pilihanraya Umum pada tahun 1995, 1999 dan 2004
 - 2.5 seorang Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri
 - 2.6 Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga
 - 2.7 seorang ahli Kabinet
 - 2.8 seorang Senator
 - 2.9 Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (yang disanjangnya sehingga ke hari ini)
 - 2.10 Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia (“**Ketua Wanita UMNO**”)
3. Selebih perenggan-perenggan 1 dan 4 hingga 13 tidak diakui dan Plaintif dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
 4. Sebagai Senator, Ketua Wanita UMNO dan Menteri/Ahli Kabinet, Plaintif:-
 - 4.1 Harus memastikan bahawa tiada konflik kepentingan timbul atau boleh dirasai oleh orang awam sebagai timbul antara tanggungjawab awamnya dalam memegang jawatan-jawatan tersebut dan kepentingan-kepentingan peribadinya yang termasuk kepentingan ahli-ahli keluarganya;

- 4.2 seharusnya memastikan bahawa dia bertindak dalam cara yang dilihat oleh orang awam sebagai jujur dan bertanggungjawab berkaitan dengan kedua-dua urusannya dan urusan ahli-ahli keluarganya;
- 4.3 seharusnya mengambil tanggungjawab untuk urusan ahli-ahli keluarganya, khasnya apabila urusan-urusan tersebut nampaknya boleh disoal (dan khasnya di mana urusan-urusan tersebut adalah berkaitan dengan atau nampaknya berkaitan dengan penyalahgunaan dana yang diterima dari kerajaan)
5. Sebagai Menteri/Ahli Kabinet, Plaintiff juga adalah sebahagian dari Kerajaan Barisan Nasional yang mendukung apa yang dipanggil “Program Transformasi” untuk mendedahkan perbuatan rasuah dan amalan salah-laku yang lain, serta memastikan bahawa proses-proses dan prosidur-prosidur pemberian tender kerajaan dipatuhi.
6. Kerajaan Barisan Nasional juga telah melalui beberapa wakilnya, yang termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan beberapa ejensi nya telah secara umum mendukung keperluan untuk ketulusan dan kejujuran di semua peringkat kerajaan dan pentadbiran perbadanan yang tulus syarikat-syarikat.
7. Seterusnya, sebagai Senator, Ketua Wanita UMNO dan Menteri/Ahli Kabinet, kegiatan-kegiatan dan tingkahlaku Plaintiff serta keluarganya mestilah terbuka kepada kritikan serta penelitian yang tegas, khasnya berkaitan dengan projek-projek yang dikemudikan oleh mereka, yang telah menerima dana dari Kerajaan.
8. Perenggan 14 diakui iaitu:

- 8.1 Dato' Sri Dr. Mohamad Salleh adalah suami Plaintiff ("**Dato Salleh**")
- 8.2 Wan Shahinur Izmir ("**Izmir**") adalah anak lelaki sulung Plaintiff dan Dato' Salleh
- 8.3 Wan Shahinur Izran ("**Izran**") adalah anak lelaki kedua Plaintiff dan Dato' Salleh
- 8.4 Wan Izzana Fatimah Zabedah ("**Izzana**") adalah anak perempuan Plaintiff dan Dato' Salleh

(selepas ini dirujuk bersama sebagai "**Keluarga Plaintiff**").

9. Perenggan 15 diakui.
10. Perenggan 16 diakui setakat bahawa Keluarga Plaintiff adalah pemegang-pemegang saham dan pengarah-pengarah Agro Science Industry (atau Industries) Sdn Bhd ("Agro Science") yang memiliki kesemua modal yang dibayar dalam syarikat yang dikenali sebagai National Feedlot Corporation Sdn Bhd ("**NFC**") (satu saham emas dipegang oleh Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan. Selebih perenggan 16 tidak diakui dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
11. Kecuali bahawa Projek Fidlots Nasional telah dianugerahkan kepada Agro Science, sebuah syarikat yang dimiliki dan adalah dibawah kawalan Keluarga Plaintiff, dan bahawa Projek Fidlots Nasional diklasifikasikan sebagai Projek Impak Tinggi, selebih perenggan 17 tidak diakui dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.

12. Perenggan 18 tidak diakui dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
13. Perenggan-perenggan 19 dan 20 tidak diakui dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
14. Defendan Pertama mengatakan bahawa, walaupun Dato' Salleh, Izmir, Iznan maupun Izzana tidak mempunyai pengalaman atau kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek penternakan lembu dan penghasilan daging lembu yang besar dan berkepentingan kebangsaan seperti Projek Fidlot Nasional, ia telah dianugerahkan kepada NFC.
15. Perenggan 21 diakui setakat bahawa Kerajaan Malaysia telah meluluskan pinjaman sebanyak RM25,000,000.00 kepada NFC ("**Pinjaman tersebut**"). Defendan Pertama:-
 - 15.1 Tidak mengakui bahawa Pinjaman tersebut dikeluarkan menurut tempoh masa dan jadual yang ditetapkan dalam apa-apa dokumentasi antara NFC dan Kerajaan Malaysia dan mengenakan Plaintiff membuktikannya dengan kukuh.
 - 15.2 Mengatakan bahawa keseluruhan Pinjaman tersebut telahpun disalurkan kepada NFC. Dalam hal ini, Defendan Pertama akan merujuk kepada perkara-perkara yang dihidkan di perenggan 24 di bawah.

BAHAGIAN B: DEFENDAN PERTAMA

16. Perenggan 2 diakui. Sebagai ahli Parti Keadilan Rakyat ("PKR"), suatu parti politik yang telah pada semua masa material dan masih menjadi

sebahagian dari Gabungan Pembangkang, dan sebagai Pengarah Strategi PKR, tanggungjawab dan tugas Defendan Pertama termasuk:-

- 16.1 mempertanggungjawabkan Kerajaan untuk keputusan-keputusan, tindakan dan kesan polisi-polisinya, termasuk perbelanjaan awam;
- 16.2 mempengaruhi polisi kerajaan persekutuan;
- 16.3 menggalakkan kebertanggungjawaban dan pendedahan;
- 16.4 meneliti prinsip dan perjalanan kerajaan, termasuk melaksanakan undang-undang yang berkaitan;
- 16.5 memberi perhatian kepada isu-isu berkaitan dengan komersial dan ekonomi dan dia dipertanggungjawabkan untuk membangkitkan isu-isu berkaitan dengan pemberian dana awam;
- 16.6 membangkitkan isu-isu atau memberi maklumat kepada orang ramai yang melibatkan perkara-perkara kepentingan awam;
- 16.7 menyuarakan pendapat dalam isu-isu kepentingan awam.

BAHAGIAN C: SKANDAL NFC (Kejadian dan pendedahan sehingga 30 November 2011)

17. Dalam Rancangan Malaysia ke 9, Kerajaan Malaysia telah berhajat melaksanakan dan telah memberi peruntukkan untuk Pusat Fidlot Nasional yang mempunyai objektif utama untuk meningkatkan bilangan penternakan lembu di Malaysia untuk mengurangkan

pertanggungjawaban negara kepada daging lembu yang kena diimpot dan untuk mengurangkan harga membeli daging lembu di Malaysia. Projek ini dihidkan oleh Plaintiff sebagai Projek Fidlot Nasional ("**Projek Fidlot Nasional**").

18. Projek Fidlot Nasional melibatkan penubuhan Pusat Fidlot Nasional di Gemas, Negeri Sembilan dan pembangunan ladang-ladang fidlot satelit di seluruh Malaysia.
19. Pada atau lebih kurang pada 17.3.2010, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Noh Omar ("**Menteri Pertanian**") telah mengumumkan di Parlimen bahawa kementeriannya sedang melaksanakan apa yang dikatakannya projek impak tinggi, yang merupakan projek-projek kepentingan awam. Salah satu daripada projek tersebut adalah Projek Fidlot Nasional.
20. Seperti yang dihidkan oleh Plaintiff, Projek Fidlot Nasional akan dibiayai melalui dana kerajaan (iaitu Pinjaman tersebut) dan tanah yang diperlukan di Gemas juga disediakan oleh Kerajaan Malaysia.
21. Projek Fidlot Nasional telah dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia kepada Agro Science, yang, seperti yang dihidkan oleh Plaintiff, telah dan masih merupakan syarikat yang dimiliki dan berada di bawah kawalan Keluarga Plaintiff.
22. Tidak terdapat tender awam mengenai penganugerahan Projek Fidlot Nasional.
23. Kenderaan korporat yang akhirnya digunakan oleh Keluarga Plaintiff untuk menjalankan Projek Fidlot Nasional adalah NFC ("**NFC**"), yang seperti yang telah dihidkan oleh Plaintiff, telah dan masih merupakan syarikat yang dimiliki dan berada di bawah kawalan Keluarga Plaintiff

(melainkan suatu Saham Emas yang dipegang oleh Kementerian Kewangan).

24. Untuk menjalankan Projek Fidlot Nasional, NFC telahpun mendapat Pinjaman tersebut dari Kerajaan Malaysia. Menurut akaun-akaun NFC, seperti yang diterbitkan dalam carian di daftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia, setakat 31.12.2009, Pinjaman tersebut sudahpun disalurkan sepenuhnya kepada NFC.
25. Pinjaman tersebut tidak bercagar dan membawa faedah pada kadar 2% setahun, yang merupakan kadar yang jauh di bawah kadar komersial.
26. NFC juga telah mendapat dari Kerajaan Malaysia suatu geran bantuan sebanyak lebih kurang RM13,000,000.00 (“Geran tersebut”). Setakat 31.12.2009, sekurang-kurangnya RM6,000,000.00 daripada Geran tersebut telahpun dikeluarkan kepada NFC.
27. Pada atau lebih kurang pada 10.10.2011, Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dato’ Seri Anwar Ibrahim telah menimbulkan persoalan di Parlimen berkaitan dengan kegagalan Projek Fidlot Nasional yang ketara yang melibatkan suami dan anak-anak seorang Menteri Kabinet (yang dengan itu membuat rujukan terus kepada Keluarga Plaintiff).
28. Projek Fidlot Nasional kemudiannya masuk ke perhatian awam melalui Laporan Ketua Audit Negara 2010 (“**LAN**”) yang telah di keluarkan pada atau lebih kurang pada 24 Oktober 2011. LAN telah memberi penilaian yang terus terang tentang Projek Fidlot Nasional dan telah membangkitkan beberapa isu yang membimbangkan. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah kegagalan untuk mengeluarkan penternakan lembu yang disasarkan (hanya 41.1%

untuk tahun 2010), skema penternak satelit yang gagal dilancarkan dan kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan.

29. Kesimpulan LAN menimbulkan kebimbangan orang awam khususnya kerana Projek Fidlots Nasional dibiayai oleh Kerajaan Malaysia dan ia telah diberikan kepada keluarga Menteri Kabinet.
30. Kesimpulan LAN juga telah menarik perhatian media massa. Ini termasuk media utama, media elektronik dan media sosial.
31. Pada 24.10.2011, Pengerusi Jawatankuasa Akaun Awam ("**PAC**") telah mengumumkan bahawa PAC akan menyiasat NFC berdasarkan kesimpulan LAN.
32. Daripada RM25,000,000.00 yang telah disalurkan kepada NFC:-
 - 32.1 lebih kurang RM83,000,000.00 (termasuk RM9,750,000.00 yang ditunjukkan di bawah), telahpun dipindahkan kepada syarikat yang dikenali sebagai National Meat & Livestock Corporation Sdn Bhd ("**NMLC**"), sebuah syarikat yang telah pada semua masa material dan adalah kini dimiliki sepenuhnya dan berada di bawah kawalan oleh Keluarga Plaintif. NFC tidak mempunyai saham dalam NMLC. Sebaliknya, pemilik saham NMLC pada semua masa material dan kini adalah Dato' Salleh, Izran dan Izmir;
 - 32.2 sejumlah lebih kurang RM830,000.00 telahpun digunakan oleh Keluarga Plaintif untuk perjalanan luar negeri dan perbelanjaan hiburan;
 - 32.3 Sejumlah lebih kurang RM9,750,000.00 telahpun dipindahkan kepada NMLC untuk membolehkan NMLC membeli 2

kondominium mewah di suatu pembangunan yang dikenali sebagai “One Menerung” di Bangsar Kuala Lumpur. (Kedua-dua kondominium mewah tersebut pada hakikatnya bernilai lebih kurang RM13,800,000.00.

33. Seterusnya, NFC telah menjual saham dengan memberi diskaun yang banyak kepada suatu syarikat yang dikenali sebagai Real Food Company Sdn Bhd (“**RFC**”), suatu syarikat yang telah pada semua masa material dan kini secara terus atau tidak terus dimiliki kebanyakannya dan berada di bawah kawalan Keluarga Plaintiff. Pemegang saham RFC pada semua masa material adalah Dato Salleh, Izran, Izzana, NMLC dan Asia Bioscience Corporation Sdn Bhd (“ABC”). Dato Salleh dan Izran bersama memiliki 1,591,500 daripada 1,691,500 saham ABC yang diterbitkan.

33.1 RFC mengelolakan restoran mewah dibawah nama tanda perniagaan “*Meatworks*”.

34. NFC juga telah membayar:-

34.1 lebih kurang RM400,000.00 kepada Dato’ Salleh dan Izran sebagai sewa untuk premis pejabat NFC di Solaris Mont Kiara;

34.2 jumlah yang tinggi terhadap pelancongan ke luar negeri dan hiburan untuk Keluarga Plaintiff;

34.3 jumlah yang tinggi untuk pembelian kereta mewah Mercedes Benz untuk kegunaan Keluarga Plaintiff;

35. Pendedahan pelbagai bayaran tersebut telahpun menimbulkan kerungsingan dan kemarahan rakyat termasuk perbincangan awam yang bersemangat oleh berbagai pihak termasuk ahli-ahli politik dari

Barisan Nasional dan ahli-ahli politik dari parti Pembangkang serta orang ramai umumnya. Skandal NFC juga telah mendapat liputan media secara meluas, dari media utama, elektronik dan media sosial.

36. Mengenai pembelian Kondominium-kondominium “One Menerung” oleh NMLC, pembayaran sewa kepada Dato Salleh dan Izran, perbelanjaan untuk pelancongan ke luar negeri dan hiburan serta pembelian kereta Mercedes Benz, Defendan Pertama mengatakan dan akan menegaskan bahawa Plaintiff tahu atau patut tahu atau berada dalam kedudukan untuk mengetahui atau dengan sengaja menutup mata kepada perkara yang jelas, bahawa sumber muktamad wang untuk perbelanjaan tersebut datang dari Pinjaman tersebut.
37. Skandal NFC juga menjadi pokok perbincangan dan debat di Parlimen. Seterusnya, pada atau lebih kurang pada 14.11.2011, timbalan ketua ahli parlimen kerajaan, Bung Mokhtar Radin telah memanggil untuk perletakan jawatan Plaintiff, yang menurutnya seharusnya mengambil tanggungjawab untuk Skandal NFC. Tambahan pula, pada atau lebih kurang pada 15.11.2011, Ketua UMNO untuk bahagian Cheras , Datuk Syed Ali Alhabshee juga memanggil untuk perletakkan jawatan Plaintiff.

BAHAGIAN D. Kenyataan-kenyataan yang dikatakan dibuat oleh Defendan Pertama

38. Kecuali bahawa Defendan Pertama telah mengadakan beberapa Persidangan Akhbar di beberapa lokasi termasuk lobi Parlimen, perenggan-perenggan 22, 23 dan 24 dinafikan. Defendan Pertama mengatakan bahawa sebagai orang awam dan seterusnya sebagai Pengarah Strategi PKR, dia berhak dan mempunyai tanggungjawab untuk membangkitkan berbagai isu berkaitan dengan Projek Fidlot Nasional, tidak kira samada Plaintiff ada atau tidak memegang

sebarang ekuiti dalam NFC atau Agro Science atau mana-mana syarikat lain yang berkaitan dengan Projek Fidlot Nasional (dan khususnya mengambil kira jawatan tinggi awam Plaintiff seperti yang telah diplidkan oleh Plaintiff). Defendan Pertama menafikan bahawa kenyataan-kenyataan yang dibuatnya berunsur fitnah seperti yang didakwa atau bagaimanapun atau bahawa ia diterbitkan seperti yang didakwa.

Perenggan 25(c)

39. Mengenai perenggan 25(c), Defendan Pertama mengakui mengeluarkan Kenyataan Akhbar pada 8.11.2011 dan membuat kenyataan tersebut seperti yang diplidkan:-

*“Saya juga menyeru supaya Dato’ Shahrizat Jalil mula tampil ke hadapan meminta maaf kepada rakyat Malaysia memandangkan pendedahan setakat ini benar-benar menimbulkan kemarahan rakyat” (“**Kenyataan 8.11.2011**”).*

40. Defendan Pertama juga mengakui bahawa Kenyataan 8.11.2011 diterbitkan kepada orang awam dan pemberita semasa persidangan akhbar di lobi Parlimen pada 8.11.2011.
41. Kenyataan 8.11.2011 tersebut, walaubagaimanapun merupakan sebahagian daripada Kenyataan Akhbar yang lebih panjang (“**Kenyataan Akhbar 8.11.2011**”) yang telah diterbitkan. Kenyataan Akhbar bertarikh 8.11.2011 dalam Bahasa Malaysia yang penuh dan lengkap dilampirkan sebagai Lampiran A kepada Pembelaan ini. Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan kenyataan Akhbar 8.11.2011 untuk kandungan dan konteksnya semasa perbicaraan tindakan ini.

42. Defendan Pertama mengatakan dan akan menegaskan bahawa Kenyataan 8.11.2011 tersebut merupakan **ulasan saksama** mengenai perkara kepentingan awam. Kenyataan 8.11.2011 tersebut dibuat berkenaan dengan Projek Fidlot Nasional dan skandal NFC yang sedang bergolak serta penyalahgunaan dana awam oleh Keluarga Plaintiff. Berkenaan hal ini, Defendan Pertama mengulangi Bahagian-bahagian A, B dan C di atas.

Butir-butir fakta berdasarkan mana ulasan dibuat

- a) Defendan Pertama mengulangi Bahagian-bahagian A dan C di atas.
- b) Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 8.11.2011 mengandungi pelbagai pendedahan berkenaan Projek Fidlot Nasional dan NFC. Antara fakta-fakta yang telah didedahkan adalah:-
- (i) Bahawa menurut akaun NFC bagi tahun yang berakhir 31.12.2009, Pinjaman tersebut telahpun disalurkan sepenuhnya kepada NFC;
- (ii) NFC telah menanggung kerugian sebanyak RM7,000,000.00 pada tahun 2008 dan RM11,000,000.00 pada tahun 2009;
- (iii) Bahawa menurut akaun NFC untuk tahun berakhir 31.12.2009 NMLC (sebuah syarikat yang dimiliki dan berada di bawah kawalan Keluarga Plaintiff) berhutang dengan NFC dengan jumlah RM81,222,448.93 walaupun NMLC adalah syarikat yang ditubuhkan untuk memasarkan daging lembu.

- (iv) Bahawa jumlah yang terhutang tersebut semestinya datang dari Pinjaman tersebut yang telah disalurkan kepada NFC;
 - (v) Bahawa NFC telah memberi diskaun sebanyak RM2,964,555.00 kepada RFC (sebuah syarikat yang dimiliki dan berada di bawah kawalan Keluarga Plaintiff).
 - (vi) Bahawa menurut akaun NFC untuk tahun berakhir 31.12.2009, sejumlah RM827,579 daripada wang awam digunakan oleh Keluarga Plaintiff untuk beberapa perjalanan luar negeri dan hiburan yang bersamaan dengan membelanjakan RM511.00 untuk setiap lembu yang disembelih oleh NFC dalam tahun 2009.
 - (vii) Bahawa menurut akaun NFC pada tahun berakhir 31.12.2009, terdapat beberapa transaksi kewangan yang mengakibatkan pemindahan dana kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Keluarga Plaintiff yang bermaksud untuk membawa manfaat kepada syarikat-syarikat tersebut.
 - (viii) Bahawa kos operasi NFC adalah 22 kali lebih tinggi daripada kos yang dijangka oleh "Jabatan Perkhidmatan Veterinar".
- (c) Jika perlu, Defendan Pertama akan bergantung kepada Seksyen 9 Akta Fitnah 1957.

43. Dalam keadaan sedemikian, Kenyataan 8.11.2011 adalah pengucapan pendapat yang dipegang secara jujur oleh Defendan Pertama, iaitu bahawa Plaintiff harus tampil ke hadapan dan memohon maaf kepada rakyat Malaysia kerana pendedahan setakat itu telah mengakibatkan kemarahan orang ramai. Tidak kira sama

ada Plaintiff ada memegang sebarang ekuiti dalam NFC atau tidak, Plaintiff, selaku Senator, Ketua Wanita UMNO dan Menteri, pada pendapat Defendan Pertama, sepatutnya memohon maaf untuk apa yang adalah atau nampaknya sebagai penderhakaan oleh keluarganya.

Perenggan 25(b)

44. Mengenai perenggan 25(b), Defendan Pertama mengakui mengeluarkan suatu Kenyataan Akhbar yang bertajuk “*Skandal NFC: Soal Pertanggungjawaban Dan Amanah Adalah Isu Pokok*” pada 18.11.2011 dan membuat kenyataan yang disebut di bawah seperti yang diplidkan.

“Oleh itu, KEADILAN menggesa supaya Perdana Menteri bertindak segera menjawab sama ada penyelewengan semasa penganugerahan projek ini kepada NFC dan menerangkan penglibatan Dato’ Seri Shahrizat Jalil dalam proses membuat keputusan kerajaan bersabit projek ini” (**“Kenyataan 18.11.2011”**).

45. Defendan Pertama, walaubagaimanapun, menafikan selebih perenggan 25(b) termasuk khasnya bahawa ia mempunyai motif niat jahat peribadi terhadap Plaintiff atau bahawa kenyataan-kenyataan yang dibuatnya berunsur fitnah.
46. Kenyataan 18.11.2011 tersebut, walabagaimanapun, merupakan sebahagian sahaja daripada Kenyataan Akhbar yang lebih panjang (“Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 18.11.2011”) yang telah diterbitkan. Kenyataan Akhbar bertarikh 18.11.2011 dalam Bahasa Malaysia yang penuh dan lengkap dilampirkan sebagai Lampiran B kepada Pembelaan ini. Defendan Pertama akan merujuk dan

bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 18.11.2011 untuk kandungan dan konteksnya semasa perbicaraan tindakan ini.

47. Defendan Pertama mengatakan dan akan menegaskan bahawa Kenyataan 18.11.2011 merupakan ulasan saksama berkenaan perkara kepentingan umum. Kenyataan 18.11.2011 telah dibuat berkaitan dengan Pojek Fidlot Nasional dan Skandal NFC yang sedang bergolak dan penyalahgunaan dana awam oleh Keluarga Plaintiff. Dalam hal ini, Defendan Pertama mengulangi Bahagian A, B dan C di atas.

Butir-butir fakta berdasarkan mana ulasan dibuat

- a) Defendan Pertama mengulangi Bahagian-bahagian A dan C di atas.
- b) Defendan Pertama mengulangi perenggan 42(b) (dan perenggan-perenggan kecilnya) di atas.
- c) Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 8.11.2011 telah mengakibatkan debat yang penuh bersemangat di Parlimen dengan beberapa ahli Parlimen Barisan Nasional mempertahankan NFC. Mereka termasuk Ahli Parlimen untuk kawasan Rembau ("**Ahli Parlimen Rembau**") yang juga Ketua Pemuda UMNO dan Ahli Parlimen kawasan Tanjong Karang yang juga merupakan Menteri Pertanian.
- d) Pada 9.11.2011, Setiausaha Agung PKR dan Ahli Parlimen kawasan Machang, YB Saifuddin Nasution Ismail ("**Saifuddin**") telah mengeluarkan suatu Kenyataan Akhbar bertajuk "*Skandal Pusat Fidlot Kebangsaan: Barisan Nasional Mengelak Dari Isu Penyelewengan Dana Rakyat*" ("**Kenyataan Akhbar Saifuddin**")

bertarikh 9.11.2011). Dalam Kenyataan Akhbar Saifuddin bertarikh 9.11.2011, Saifudin telah membuat pendedahan selanjutnya berkaitan dengan Projek Fidlot Nasional dan Skandal NFC. Kenyataan Akhbar Saifuddin bertarikh 9.11.2011, antara lain,

- (i) Menyoal jawapan-jawapan daripada beberapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang dirujuk di atas;
- (ii) Telah membangkitkan isu-isu sama ada , pada hakikatnya, Pinjaman tersebut telahpun disalurkan ke suatu akaun eskrow seperti yang didakwa oleh Barisan Nasional;
- (iii) Mengulangi pendedahan-pendedahan dalam Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 8.11.2011;
- (iv) Membangkitkan beberapa isu lain berkaitan dengan Projek Fidlot Nasional dan NFC;
- (v) Mengatakan bahawa 3 isu utama, iaitu pemindahan dana kepada NMLC, perbelanjaan untuk perjalanan luar negeri dan hiburan dan diskaun (atau subsidi) yang telah diberikan kepada “*Meatworks*” yang masih belum lagi dijawab oleh Menteri Pertanian dan ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

(Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar Saifudin bertarikh 9.11.2011 untuk konteks dan kandungannya semasa perbicaraan tindakan ini).

- e) Pada 10.11.2011, Ketua Wanita Keadilan dan Ahli Parlimen untuk kawasan Ampang, iaitu Defendan Kedua, telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar bertajuk “*Skandal NFC Bersabit*

Pertanggungjawaban Wang Rakyat, Bukan Soal Peribadi” (**“Kenyataan Akhbar Zuraida bertarikh 10.11.2011”**). Dalam Kenyataan Akhbar Zuraida bertarikh 10.11.2011, Defendan Kedua telah membuat pendedahan selanjutnya berkenaan Projek Fidlot Nasional dan Skandal NFC. Defendan Kedua, oleh kerana beberapa pendedahan yang sudahpun dibuat, antara lain,

- i) Berkata bahawa pendedahan-pendedahan setakat itu masih belum dijawab dengan keyakinan oleh ketua-ketua Barisan Nasional;
- ii) Memanggil untuk Plaintiff meletak jawatan dari kerajaan dan undur dari politik.

(Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar Zuraida bertarikh 10.11.2011 untuk konteks dan kandungannya semasa perbicaraan tindakan ini).

f) Pada 10.11.2011, Saifudin dan Defendan Pertama telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar bertajuk “*Skandal NFC: Laporan SPRM Berhubung Penyelewengan RM9.8 Juta Wang Rakyat Untuk Membeli Kondominium Mewah ‘One Menerung’*” (**Kenyataan Akhbar Saifudin dan Rafizi bertarikh 10.11.2011**). Dalam Kenyataan Akhbar Saifudin dan Rafizi bertarikh 10.11.2011, antara lain

- i) Membuat pendedahan selanjutnya mengenai Projek Fidlot Nasional dan Skandal NFC;
- ii) Mengemukakan butiran selanjutnya berkenaan beberapa pendedahan yang telah dibuat sebelum ini;

- iii) Menyoal jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Menteri dan Ahli Parlimen Rembau terhadap beberapa pendedahan yang telahpun dibuat;
- iv) Meminta untuk penyiasatan dijalankan ke atas pendedahan-pendedahan tersebut, khasnya apabila ia melibatkan integriti keseluruhan Kerajaan, termasuk ketua-ketua utamanya, termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertanian, Plaintiff dan Ahli Parlimen Rembau; dan
- v) Telah memanggil supaya PAC menyiasat perkara tersebut dengan segera.

(Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar Saifudin dan Rafizi bertarikh 10.11.2011 untuk konteks dan kandungannya semasa perbicaraan tindakan ini).

- g) Pada 14.11.2011, Defendan Pertama telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar bertajuk *Skandal NFC: Jemputan Kepada YB Khairy Jamaluddin Untuk Berbahas Mengenai Penyelewengan Wang Rakyat Oleh NFC* ("**Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 14.11.2011**"). Dalam Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 14.11.2011, Defendan Pertama, antara lain, telah mencabar pengataan Ahli Parlimen Rembau bahawa pembelian kondominium-kondominium "One Menerung" adalah pelaburan strategik sementara menunggu fasa seterusnya Projek Fidlot Nasional.

(Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 14.11.2011 untuk konteks dan kandungannya semasa perbicaraan tindakan ini).

- h) Pada 14.11.2011, Defendan Kedua telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar bertajuk "*Skandal NFC: Kenyataan Menteri Semakin Bercanggah Dan Tidak Tepat*" ("**Kenyataan Akhbar Zuraida bertarikh 14.11.2011**"). Dalam Kenyataan Akhbar Zuraida bertarikh 14.11.2011, Defendan Kedua, antara lain, telah mencabar beberapa pengataan oleh Menteri Pertanian berkenaan Projek Fidlot Nasional dan Skandal NFC.

(Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar Zuraida bertarikh 14.11.2011 untuk konteks dan kandungannya semasa perbicaraan tindakan ini).

- i) Pada 16.11.2011 Saifudin telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar bertajuk "*Skandal NFC: NFC Dibiayai Oleh Kerajaan, Tidak Pernah Membayar Satu Sen Kembali Kepada Kerajaan*" ("**Kenyataan Akhbar Saifudin bertarikh 16.11.2011**"). Dalam Kenyataan Akhbar Saifudin bertarikh 16.11.2011, Saifuddin, antara lain, telah mencabar beberapa pengataan oleh beberapa orang ketua Barisan Nasional termasuk seorang bekas Perdana Menteri berkaitan dengan Projek Fidlot Nasional dan Skandal NFC dan telah membuat pendedahan seterusnya, khasnya mengenai kedudukan kewangan NFC. Saifudin telah menyoal beberapa transaksi kewangan dan mengatakan bahawa perkara yang sewajarnya yang harus dilakukan adalah bahawa menteri-menteri yang berkenaan harus memikul tanggungjawab dan mengambil tindakan tegas berkenaan Skandal NFC.

Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar Saifuddin bertarikh 16.11.2011 untuk konteks dan kandungannya semasa perbicaraan tindakan ini).

- j) Pada atau lebih kurang pada 17.11.2011, akibat dari beberapa pendedahan yang telah dibuat mengenai Projek Fidlot Nasional dan NFC, Dato' Salleh telah mengadakan suatu persidangan akhbar di mana dia telah cuba mempertahankan pendedahan-pendedahan tersebut dan inferens-inferens yang timbul darinya. Persidangan Akhbar tersebut telahpun dilaporkan dengan meluas di media Malaysia. Mengenai kebanyakan pendedahan yang telah dibuat, Dato' Salleh tidak menafikan asas fakta pendedahan-pendedahan tersebut. Secara nyata atau tersirat, Dato' Salleh telah mengakui bahawa, antara lain,
- i) Kondominium-kondominium "One Menerung" telah dibeli;
 - ii) NFC telah memberi RFC/"Meatworks" diskaun yang telah didedahkan;
 - iii) RM827,579.00 telah dibelanjakan untuk perjalanan ke luar negeri;
 - iv) NFC mengalami kerugian sebanyak RM7,000,000.00 pada tahun 2008 dan RM11,000,000.00 pada tahun 2009; dan
 - v) NFC/Keluarga Plaintiff tidak mempunyai kecekapan yang diperlukan untuk menjalankan Projek Fidlot Nasional.
- k) Pada 18.11.2011, akhbar Berita Harian, akhbar Bahasa Malaysia utama yang dibaca dengan meluas, telah menerbitkan temuduga dengan Dato' Salleh, di mana Dato' Salleh telah mengakui bahawa

perjanjian mengenai Pinjaman tersebut tidak mengatakan jadual pembayaran balik pinjaman.

- l) Sebagai balasan kepada persidangan akhbar Dato' Salleh dan pengakuan tersebut, Defendan Pertama telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 18.11.2011. Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 18.11.2011, antara lain,
 - i) Telah menekan tentang ketiadaan penafian oleh Dato' Salleh mengenai pendedahan-pendedahan yang telah dibuat;
 - ii) Telah menekan tentang beberapa pengakuan yang telah dibuat oleh Dato' Salleh, khasnya pengakuan bahawa kondominium-kondominium One Menerung telahpun dibeli, bahawa NFC tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan dan bahawa Pinjaman tersebut tidak mempunyai jadual pembayaran balik;
 - iii) Memberi pandangan bahawa pengakuan tersebut adalah peringatan kepada rakyat bahawa asas isu adalah tanggungjawab Kerajaan dan menteri-menterinya mengenai penggunaan dana rakyat, kerana pengakuan tersebut
 - Membangkitkan persolan bagaimana suatu projek nasional boleh dianugerahkan kepada keluarga seorang Menteri yang tidak mempunyai latar belakang atau pengalaman dalam bidang penternakan komersial;
 - Menimbulkan persoalan mengapa Pinjaman tersebut dikeluarkan tanpa syarat-syarat yang ketat dan pengawalan yang berpatutan;

- Menunjukkan bahawa RM13,800,000.00 telah disalahguna untuk membeli hartanah untuk keluarga menteri kerana NMLC dimiliki oleh Keluarga Plaintiff.

m) Jika perlu, Defendan Pertama akan bergantung kepada S.9 Akta Fitnah 1957.

48. Dalam keadaan sedemikian, oleh kerana perkara-perkara yang telah dihidkan di atas, dan khasnya persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan dalam Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 18.11.2011, Kenyataan 18.11.2011 adalah ungkapan pandangan yang dipegang dengan jujur oleh Defendan Pertama, iaitu bahawa Perdana Menteri, selaku ketua Kerajaan, seharusnya tampil ke hadapan dan memberi penjelasan samada terdapat apa-apa manipulasi dalam menganugerahkan Projek Fidlot Nasional kepada NFC dan juga menjelaskan penglibatan Plaintiff dalam proses membuat keputusan. Rakyat berhak untuk mengetahui samada Plaintiff terlibat samada secara nyata atau tersirat atau sebaliknya, dalam pemberian Projek Fidlot Nasional kepada NFC.

Perenggan 25(d)

49. Mengenai perenggan 25(d), Defendan Pertama mengakui mengeluarkan suatu Kenyataan Akhbar yang bertajuk *Skandal NFC: Dana NFC Digunakan Beli Mercedes Mewah, Tanah Di Putrajaya, Membiayai Percutian Mewah Dan Dipindahkan ke Singapura*” dan membuat kenyataan yang tersebut di bawah seperti yang dihidkan:

“Dato’ Seri Shahrizat Jalil hanya ada dua pilihan – sama ada menjelaskan satu persatu perbelanjaan-

*perbelanjaan ini di Perhimpunan Agong Umno dalam masa terdekat, atau terus mengheret Umno dan Barisan Nasional ke dalam kancah skandal peribadi beliau". (**Kenyataan 30.11.2011**)*

50. Kenyataan 30.11.2011 tersebut walaubagaimanapun, merupakan sebahagian sahaja daripada Kenyataan Akhbar yang lebih panjang (**"Kenyataan Akhbar Rafizi 30.11.2011"**) yang telah diterbitkan. Kenyataan Akhbar bertarikh 30.11.2011 dalam Bahasa Malaysia yang penuh dan lengkap dilampirkan sebagai Lampiran C kepada Pembelaan ini. Defendan Pertama akan merujuk dan bergantung kepada keseluruhan Kenyataan Akhbar 30.11.2011 untuk kandungan dan konteksnya semasa perbicaraan tindakan ini.
51. Defendan Pertama mengatakan dan akan menegaskan bahawa Kenyataan 30.11.2011 merupakan ulasan saksama berkenaan perkara kepentingan umum. Kenyataan 30.11.2011 telah dibuat berkaitan dengan Pojek Fidlot Nasional dan Skandal NFC yang sedang bergolak dan penyalahgunaan dana awam oleh Keluarga Plaintiff. Dalam hal ini, Defendan Pertama mengulangi Bahagian A, B dan C di atas.

Butir-butir fakta berdasarkan mana ulasan dibuat

- a) Defendan Pertama mengulangi Bahagian-bahagian A dan C di atas.
- b) Defendan Pertama mengulangi perenggan 42(b) (dan perenggan-perenggan kecilnya) dan perenggan 47 (c) – (m) (dan perenggan-perenggan kecilnya) di atas.
- c) Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 30.11.2011 tersebut telah menunjukkan pendedahan selanjutnya mengenai Projek Fidlot

Nasional dan NFC. Pendedahan-pendedahan itu adalah berkaitan dengan penggunaan dana NFC untuk perbelanjaan peribadi oleh Keluarga Plaintiff, dan termasuk, antara lain

i) Pembelian kereta mewah, iaitu Mercedes Benz CLS 350, yang berharga RM534,622.00

ii) Pemindahan wang RM3,363,507.00 kepada NMLC untuk membeli 2 keping tanah di Putrajaya;

iii) Pembayaran ulangan oleh NFC kepada ejensi pelancongan sebanyak RM455,423.00 untuk tempoh dari Januari hingga Julai 2010;

iv) Pemindahan sebanyak RM588,585.00 daripada NFC kepada Meatworks (Singapore) Pte Ltd, sebuah syarikat yang dimiliki oleh Keluarga Plaintiff;

d) Jika perlu, Defendan Pertama akan bergantung kepada S.9 Akta Fitnah 1957.

52. Dalam keadaan sedemikian, oleh kerana perkara-perkara yang telah dihidkan di atas, dan khasnya pendedahan-pendedahan dalam Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 30.11.2011, Kenyataan 30.11.2011 adalah ungkapan pandangan yang dipegang dengan jujur oleh Defendan Pertama, iaitu bahawa Plaintiff, sebagai Menteri dalam kerajaan Barisan Nasional dan sebagai Ketua Wanita UMNO seharusnya tampil ke hadapan dan menjelaskan setiap perbelanjaan yang telah didedahkan pada Menyuarat Agung UMNO atau menanggung risiko terus menarik UMNO dan Barisan Nasional dalam skandal peribadi Plaintiff. Plaintiff, selaku Senator, Ketua Wanita UMNO dan sebagai Menteri tidak boleh terus senyap mengenai

beberapa pendedahan yang telah dibuat dan harus tampil ke hadapan untuk menerangkan apa yang amnya, perbelanjaan peribadi Keluarganya melalui penggunaan dana rakyat.

Perenggan 25(a)

53. Mengenai perenggan 25(a), Defendan Pertama menafikan bahawa dia telah mengatakan secara lisan kenyataan yang diplidkan oleh Plaintiff dan mengenakan Plaintiff membuktikannya dengan kukuh. Defendan Pertama seterusnya menafikan bahawa kenyataan tersebut kemudiannya diterbitkan dalam laman blognya atau laman keadilandaily atau laman atau blog yang lain seperti yang didakwa dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.

54. Seterusnya dan/atau selanjutnya, jika, yang dinafikan, Defendan Pertama ada mengeluarkan kata-kata tersebut, ia merupakan ungkapan pandangan yang dipegang oleh Defendan Pertama dengan jujur oleh kerana semua pendedahan yang telah dibuat dan isu-isu yang telahpun dibangkitkan setakat itu, bahawa Plaintiff, selaku Senator Menteri dan Ketua Wanita UMNO yang setakat itu tidak menjawab pendedahan-pendedahan dan isu-isu yang telah dibangkitkan, seharusnya bertindak dan memberi jawapan kepada pendedahan-pendedahan dan isu-isu tersebut dengan rasa penuh sesal kerana kesemua pendedahan tersebut melibatkan Keluarga Plaintiff. Dalam hal ini, Defendan mengulangi Bahagian A, B dan C di atas.

Butir-butir fakta berdasarkan mana ulasan dibuat

- a) Defendan Pertama mengulangi Bahagian-bahagian A dan C di atas.

- b) Defendan Pertama mengulangi perenggan 42(b) (dan perenggan-perenggan kecilnya) dan perenggan 47 (c) – (m) (dan perenggan-perenggan kecilnya) di atas.
- c) Defendan Pertama mengulangi perenggan 51(c) di atas.
- d) Jika perlu, Defendan Pertama akan bergantung kepada S.9 Akta Fitnah 1957.

BAHAGIAN E: PERLINDUNGAN BERSYARAT

55. Seterusnya dan/atau selanjutnya, kata-kata menyinggung tersebut telah diterbitkan dalam keadaan perlindungan bersyarat (tanpa prejudis kepada penafian Defendan Pertama bahawa dia melafazkan kata-kata yang dikatakan disebut olehnya di perenggan 25(a)).

Butir-butir

- a) Defendan Pertama mengulangi Bahagian-bahagian A, B dan C di atas.
- b) Kata-kata yang menyinggung tersebut, khasnya dan Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 8.11.2011, Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 18.11.2011 dan Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 30.11.2011 secara amnya telah membangkitkan isu-isu kepentingan awam yang merungsingkan rakyat, antara lain:-
 - (i) penganugerahan projek penternak lembu kerajaan berimpak tinggi yang berjumlah beratusan juta Ringgit kepada keluarga seorang Menteri yang tidak mempunyai kelayakan, surat tauliah, kemahiran atau pengalaman apapun dalam bidang penternakan lembu.

- (ii) Penyalahgunaan dana rakyat yang telah diberikan untuk tujuan tertentu untuk penternakan lembu untuk manfaat rakyat keseluruhannya, sebaliknya digunakan untuk membeli hartanah persendirian, kereta mewah dan bayaran untuk perbelanjaan persendirian dan percutian luar negeri Keluarga Plaintiff.
 - (iii) Kegagalan sama sekali projek sedemikian untuk mencapai sasarannya, khasnya apabila projek tersebut dipaparkan sebagai projek impak tinggi.
- c) Defendan Pertama, sebagai anggota masyarakat dan oleh kerana perkara-perkara yang diplidkan di Bahagian B di atas, mempunyai tanggungjawab moral dan sosial untuk menerbitkan kata-kata yang menyinggung itu dan orangramai mempunyai hak yang sepadan dan sah untuk menerima maklumat tersebut dan/atau Defendan Pertama dan orang awam mempunyai hak bersama dan sepadan mengenai hal perkara kata-kata menyinggung tersebut dan hal perkara Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 8.11.2011, Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 18.11.2011 dan Kenyataan Akhbar Rafizi bertarikh 30.11.2011.

BAHAGIAN F: SELEBIH PERNYATAAN TUNTUTAN

- 56. Perenggan-perenggan 26 dan 27 tidak diakui dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
- 57. Perenggan-perenggan 28 dan 29 dinafikan. Khasnya, adalah dinafikan bahawa kata-kata yang menyinggung itu membawa maksud atau difaham untuk membawa maksud or boleh membawa maksud atau sindiran yang dikatakan seperti yang diplidkan.

58. Perenggan 36 dinafikan dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
59. Perenggan 37 dinafikan dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
60. Seterusnya, sebarang rasa malu kepada nama dan reputasi Plaintiff, jika ada, tidak disebabkan oleh Defendan Pertama, tetapi oleh tindakan Keluarga Plaintiff dan Plaintiff sendiri dalam cubaan menjauhkan dirinya dari Skandal NFC.
61. Perenggan 38 dinafikan dan Plaintiff dikenakan membuktikannya dengan kukuh.
62. Defendan Pertama mengatakan dan akan menegaskan bahawa pemfailan tindakan fitnah terhadap Defendan Pertama menuntut gantirugi untuk jumlah RM100,000,000.00 yang melampau dan berlebihan adalah suatu cubaan untuk meletakkan tekanan tambahan yang tidak patut ke atas Defendan Pertama untuk mengalih perhatian rakyat daripada Keluarga Plaintiff dan Plaintiff sendiri.
63. Kecuali di mana di akui dengan nyata, Defendan Pertama menafikan setiap kenyataan dalam Pernyataan Tuntutan seolah ia dinyatakan di sini dan dinafikan satu persatu.

TUNTUTAN BALAS

64. Defendan Pertama mengulangi perenggan-perenggan 1 hingga 63 Pembelaannya.

65. Defendan Pertama mengatakan bahawa, sebalik dari menjawab pendedahan-pendedahan yang telah dibuat, Plaintiff telah melancarkan serangan yang peribadi dan dendam terhadap Defendan Pertama. Semasa ucapan pembukaan Plaintiff di Perhimpunan Agung Wanita UMNO pada 30 November 2011, Plaintiff telah mengucapkan kata-kata fitnah berikut berkenaan Defendan Pertama yang diperhitungkan untuk merendahkan dan memang telah merendahkan Defendan Pertama sebagai ahli parti pembangkang dan Pengarah Strategi PKR:-

“Anak muda kita ni yang nama Rafizi, Hafizi, apalah nama itu. Si tanggung muda pergi sekolah belajar kerana apa perjuangan ibu-ibu yang ada di sini. Balik menjadi anak durhaka, menjual agama, menghancurkan bangsa. Ni, anak muda, si tanggung, anak si tanggung”.

(“kata-kata menyinggung tersebut”).

66. Kata-kata menyinggung tersebut dengan nyata merujuk kepada Defendan Pertama dan difahamkan merujuk kepada Defendan Pertama.

67. Ucapan Plaintiff telahpun dilafazkan dalam cara yang menyerang dan menjengkelkan sebagai suatu serangan peribadi dan dendam terhadap Defendan Pertama. Kata-kata menyinggung tersebut yang berunsur fitnah terhadap Defendan Pertama telahpun diterbitkan kepada wakil-wakil dan ahli-ahli Wanita UMNO, tetamu-tetamu kehormat yang telah dijemput dan kepada pemberita-pemberita yang hadir.

68. Kata-kata menyinggung tersebut kemudiannya telahpun diterbitkan semula dalam laman web, media cetak dan online, semasa berita utama di television dan di Youtube. Plaintiff tahu bahawa, dan berniat, supaya kata-kata menyinggung tersebut atau intinya akan diterbitkan semula dan/atau membenarkan terbitan semulanya.
69. Dalam maksud biasa dan semulajadi, kata-kata menyinggung tersebut membawa maksud atau difahamkan membawa maksud bahawa Defendan Pertama adalah tidak jujur, tidak setia, penderhaka dan pengkhianat kepada bangsa dan agamanya.
70. Seterusnya dan/atau sebaliknya, Defendan Pertama mengatakan dan akan menegaskan bahawa kata-kata menyinggung tersebut telah diucapkan oleh Plaintiff dengan niat jahat dan secara sindiran membawa maksud atau membawa maksud yang difahamkan oleh masyarakat melayu khususnya kepada mereka yang ucapan tersebut diarahkan dan kepada kebanyakan rakyat Malaysia yang akan tahu tentang cerita dongeng, bahawa Defendan Pertama adalah kini dan dahulu:-
- (a) Pengkhianat kepada bangsa dan Negara;
 - (b) Seorang yang mempunyai akhlak yang senonoh;
 - (c) Seorang yang tidak menghormati orang-orang yang lebih tua;
 - (d) Seorang yang menderhaka terhadap orang-orang yang lebih tua, bangsa dan Negara;
 - (e) Seorang yang tidak menghormati kedudukan dan pengorbanan ibubapa;
 - (f) Seorang yang telah meninggalkan Islam;

(g) Seorang anak yang derhaka dan kurang ajar.

Butir-butir

- (i) Si Tanggung adalah watak dalam cerita dongeng masyarakat Melayu yang menceritakan kisah seorang budak yang menderhaka terhadap ibunya;
- (ii) Cerita tersebut terkenal dikhayalak masyarakat melayu dan telah diceritakan sejak turun-temurun;
- (iii) Cerita tersebut digunakan dalam buku-buku teks;
- (iv) Cerita tersebut mengandungi beberapa pengajaran penting, antara lain supaya jangan derhaka terhadap orang tua dan supaya menghormati kedudukan ibubapa.
- (v) Cerita tersebut digunakan sebagai pengajaran kepada budak-budak yang derhaka dan tidak menurut suruhan ibubapa;
- (vi) Dalam keadaan sedemikian, fakta-fakta dan perkara-perkara tersebut akan diketahui oleh kebanyakan daripada mereka yang hadir Perhimpunan Agung tersebut dan kepada mereka yang kata-kata menyinggung tersebut diterbitkan akan memahaminya sebagai membawa maksud seperti yang diplidkan di perenggan 70 di atas.

71. Oleh kerana penerbitan kata-kata menyinggung tersebut, budi pekerti, nama baik dan reputasi persendirian dan professional Defendan Pertama telah tercemar dan Defendan Pertama telah mengalami kesusahan, kecederaan dan rasa malu.

72. Defendan Pertama akan seterusnya bergantung kepada Seksyen 5 Akta Fitnah 1957.

73. Defendan Pertama akan bergantung kepada perkara-perkara yang dibentangkan dalam Pembelaan dan Tuntutan Balas di atas untuk menyokong tuntutannya terhadap Plaintiff untuk gantirugi teruk dan gantirugi teladan. Seterusnya dan/atau selanjutnya, Defendan Pertama akan bergantung kepada fakta-fakta dan perkara-perkara berikut untuk menyokong tuntutannya untuk gantirugi am, teruk dan teladan:-

Butir-butir

(a) Plaintiff masih terus mengeluarkan kata-kata berunsur fitnah dan memperkecilkan Defendan Pertama, contohnya pada 5 Februari 2012, dengan merujuk kepada Defendan Pertama sebagai “Jambu Kecil” yang akan nampak segak memakai baju kurung merah dan putih.

DENGAN ITU Defendan Pertama menuntut balas terhadap Plaintiff untuk:-

- A. Gantirugi am,
- B. Gantirugi teruk (“aggravated”),
- C. Gantirugi Teladan (“exemplary”)
- D. Faedah ke atas jumlah gantirugi tersebut dari 30 November 2011 pada kadar yang difikirkan wajar oleh Mahkamah yang Mulia ini sehingga tarikh penyelesaian penuh.
- E. Kos.
- F. Relif-relif lain dan selanjutnya yang difikirkan wajar dan patut oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Bertarikh pada 8 Mac 2012.

.....
Tetuan Faiz & Co
Peguamcara Defendan Pertama

PEMBELAAN DAN TUNTUTAN BALAS ini difailkan oleh Tetuan Faiz & Co, peguamcara bagi pihak Defendan Pertama yang mempunyai alamat untuk penyampaian di Suite 1710, Tingkat 17 Plaza Permata, No. 6 Jalan Kampar, 50400 Kuala Lumpur. (No Tel: 03-4041 6568) (No Faks: 03-4041 6566) (Ruj: LJ/MR/L/2831/2012)